

27 OCT 1997

MIRZAN DAN SAYA MASIH BAIK DARIPADA SEGI KEWANGAN, KATA MOKHZANI MAHATHIR

Oleh: Muammar Kamaruddin

KUALA LUMPUR, 27 Okt (Bernama) -- Mokhzani Mahathir, pengerusi eksekutif dan ketua pegawai eksekutif Tongkah Holdings Bhd, hari ini berkata kedudukan kewangan syarikat beliau dan abangnya, Mirzan, "masih sihat" walaupun terdapat khabar-khabar angin yang sebaliknya.

"Saya tegaskan kami masih mantap. Kami akan keluar daripada krisis ini lebih kuat daripada keadaan yang lalu," katanya merujuk kepada krisis matawang dan pasaran saham negara dan juga operasi Tongkah pada persidangna akhbar selepas Tongkah menanda tangani perjanjian usaha sama dengan tiga pihak lain di sini.

Mokhzani berkata malahan beliau telah ditawarkan untuk mengambil alih sebuah syarikat awam untuk menyelamatkan operasinya pada "harga yang amat rendah."

"Syarikat kami mempunyai wang dalam bank," katanya merujuk kepada kepentingan 20 peratus dalam Parkway Holdings Ltd yang dimiliki Hospital Pantai yang dijualnya pada harga RM686 juta. Mokhzani dan Tongkah memiliki lebih daripada 50 peratus saham Hospital Pantai.

"Saya pasti abang saya (Mirzan) adalah seorang pengusaha yang amat berhemat dan saya pasti dia telah mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa pembiayaannya adalah teratur," katanya.

Ditanya sama ada Mirzan telah membenarkan Petronas mengambil alih 29.3 peratus kepentingan di dalam Malaysian International Shipping Corporation Bhd (MISC) kerana kejatuhan pasaran saham baru-baru ini, katanya, "Jika anda lihat pada janji niaga untuk memiliki MISC melalui Konsortium Perkapalan Bhd (sebuah syarikat awam dikuasai oleh Mirzan), ia (Konsortium Perkapalan) diketepikan kerana memihak Petronas malahan lebih awal sebelum berlakunya krisis matawang dan kejatuhan pasaran saham."

Sebelum itu, Konsortium Perkapalan, kumpulan perkapalan dan pengangkutan kedua terbesar negara selepas MISC, telah berunding untuk membeli kepentingan di dalam MISC.

Apabila ditanya mengenai khabar angin bahawa banyak syarikat bumiputera dengan gearan yang tinggi akan terjejas di bawah matawang sekarang dan krisis pasaran saham, Mokhzani menjawab, "Apabila anda menanggung hutang yang terbanyak banyak, anda akan menghadapi masalah ...tidak kira sama ada anda sebuah syarikat milik Bumiputerakah, Cinakah atau India."

Perjanjian usaha sama Tongkah hari ini adalah dengan WorldCare Ltd dari Amerika Syarikat, Concorde Investments Ltd dan Mitsubishi Corporation bertujuan untuk membekalkan pelbagai perkhidmatan tele-perubatan yang bersepadu, lengkap dan menjimatkan di Malaysia. -- BERNAMA

MK OS MA